

**Najib Rasmi Menara 1 PDRM Bukit Aman
Bernama
12 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak pada Khamis merasmikan Menara 1 Bukit Aman, bangunan baru ibu pejabat Polis Diraja Malaysia yang disifatkan sebagai satu lambang modenisasi dan transformasi PDRM.

Menara 1 Bukit Aman, yang berharga RM320 juta, merupakan pusat pentadbiran PDRM, menggantikan bangunan lama terletak berdekatan.

Pejabat Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara serta Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam yang sebelum ini berkongsi bangunan dengan Cawangan Khas di Kompleks 3, dipindahkan ke Menara 1.

Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Narkotik masih kekal di Menara 2 serta Cawangan Khas di Kompleks 3 Bukit Aman.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di perkarangan Bukit Aman di sini pada 9.30 pagi, disambut Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Khalid Abu Bakar serta pegawai-pegawai kanan polis.

Turut hadir Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Wira Abu Seman Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Tan Sri Mahmood Adam dan Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Menara 1 Bukit Aman mula dibina pada 3 Mac 2005 di tapak tempat meletak kenderaan Bukit Aman.

Jabatan Kerja Raya bertanggungjawab mereka bentuk bangunan menara setinggi 31 tingkat itu dengan keluasan lantai 85,000 meter persegi. JKR turut memantau kerja pembinaan sehingga siap sepenuhnya pada 21 April 2010.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658498>